



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAHAGIAN PEMATUHAN**

RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

KANDUNGAN**MUKA
SURAT**

1. PENGENALAN	1
2. TUJUAN AUDIT	1
3. APA ITU AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)	1
4. OBJEKTIF AViP	2
5. PEMILIHAN ENTITI PERNIAGAAN (EP)	2
6. JENIS AUDIT DI BAWAH AViP	2
7. TEMPOH LIPUTAN AUDIT / PEMILIHAN TEMPOH BERCUKAI / TRANSAKSI	2
8. PELAKSANAAN AViP	
8.1 Lawatan Ke Premis EP	3
8.2 Pengambilan Dokumen / Rekod / Barang	3
8.3 Sijil Verifikasi Audit	3
8.4 Isu Ketidakpatuhan	3
8.5 Surat Layak Pengakuan Sukarela/ <i>Voluntary Disclosure</i> (VD)	4
8.6 Tindakan Audit Lapangan	5
8.7 Pengauditan Semula	5
9. INSENTIF YANG DITAWARKAN UNTUK BAGI PENGAKUAN SUKARELA (VD) AViP	
9.1 Kelulusan Remisi Penalti Secara Terus (<i>Blanket Approval</i>)	5
9.2 Kelulusan Bayaran Ansuran Bagi Bil Tuntutan Yang Dikeluarkan Hasil Pindaan Apa-Apa Penyata Cukai/ Penyata <i>Supplementary</i>	6
10. PEMBAYARAN	6
11. PENUTUP	7



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

1. PENGENALAN

Rangka Kerja Audit Verifikasi Pematuhan (AViP) ini menjelaskan berkenaan pelaksanaan audit verifikasi yang diperkenalkan oleh Bahagian Pengurusan Pematuhan (BPP) sebagai satu siri pengauditan komprehensif terhadap Entiti Perniagaan (EP) yang berlandaskan pematuhan pada perundangan, prosedur dan dasar percukaian yang ditadbir oleh JKDM. Ia dikeluarkan bagi tujuan sebagai panduan bagi memastikan auditi menjalankan tanggungjawab dengan tahap pematuhan yang tinggi.

2. TUJUAN AUDIT

- 2.1 Memastikan duti/ cukai/ levi diikrar dengan betul dan dibayar oleh pembayar cukai dengan tepat dalam tempoh yang ditetapkan serta membantu memperkukuhkan kawalan perdagangan dan keselamatan di pintu sempadan.
- 2.2 Memastikan syarikat yang diberikan kemudahan/ pengecualian mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 2.3 Menggalakkan pematuhan sukarela (*voluntary compliance*) melalui pendidikan dan kehadiran pegawai audit JKDM semasa lawatan premis.

3. APA ITU AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

- 3.1 Audit Verifikasi Pematuhan (AViP) merupakan satu strategi pengauditan terkini Bahagian Pematuhan yang mengubah konsep 'Mengeskan Ketirisan Hasil' kepada 'Mencegah Ketirisan Hasil' dalam usaha meningkatkan tahap pematuhan sendiri (*self-compliance*) EP.
- 3.2 Tumpuan pengauditan adalah untuk '*reaching out*' sebanyak mungkin EP terutama yang baharu menjadi pelanggan JKDM bertujuan mengesan ketidakpatuhan, kesilapan dan ketidakfahaman pada peringkat awal bagi mengurangkan risiko ketirisan hasil.
- 3.3 Sekiranya terdapat ketidakpatuhan hasil daripada AViP, pihak EP boleh membuat pengakuan sukarela ke atas kekurangan cukai/ duti yang terlibat.



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

4. OBJEKTIF AViP

- 4.1 Pengauditan yang komprehensif bagi mengelakkan auditi diaudit berulang kali.
- 4.2 Meningkatkan tahap pematuhan EP menerusi tindakan AViP.
- 4.3 Memberi peluang kepada EP untuk membuat pengakuan sukarela/ *voluntary disclosure* (VD) terhadap sebarang ketidakpatuhan menerusi pindaan atau menghantar *Supplementary Tax Return*/ Borang SST-ADM/ SST-ADM No.2/ TTx-03A/ TTx-ADM atau mengemukakan pengiraan kurang bayar duti/ cukai/ levi.

5. PEMILIHAN ENTITI PERNIAGAAN (EP)

Pemilihan EP boleh dibuat ke atas mana-mana:

- i. Orang Kena Cukai
- ii. Pendaftar
- iii. Pengilang
- iv. Pengimport
- v. Pengeksport
- vi. Orang Yang Menikmati Kemudahan/ Pengecualian

6. JENIS AUDIT DI BAWAH AViP

- i. Audit Eksais
- ii. Audit Gudang Pengilangan Berlesen
- iii. Audit Kedai Bebas Cukai
- iv. Audit Zon Bebas
- v. Audit Pasca Import
- vi. Audit Pengecualian Seksyen 14(2)
- vii. Audit Cukai Perkhidmatan
- viii. Audit Cukai Jualan
- ix. Audit Pengecualian Cukai Jualan
- x. Audit Cukai Pelancongan
- xi. Audit Levi Keuntungan Luar Biasa

7. TEMPOH LIPUTAN AUDIT / PEMILIHAN TEMPOH BERCUKAI / TRANSAKSI

- i. Pemilihan tempoh transaksi yang bersesuaian untuk diaudit setelah sesi temu bual dan pemerhatian dilaksanakan di peringkat awal AViP.



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

- ii Pemilihan sampel terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) tempoh bercukai/ satu (1) tempoh pelesenan bagi pendaftar di bawah akta / perintah yang berkenaan, manakala sekurang-kurangnya empat (4) bulan yang mempunyai pengiklanan pengimportan/ pengeksportan/ pemindahan bagi pengimport/ pengeksport untuk tujuan AViP.

8. PELAKSANAAN AViP

8.1 Lawatan Ke Premis EP

Lawatan ke premis EP semasa AViP dilakukan bagi membolehkan pegawai audit mendapatkan/ membanding maklumat, aktiviti dan operasi sebenar EP dengan membandingkan semakan terhadap dokumen/ rekod perniagaan/ perakaunan EP.

8.2 Pengambilan Dokumen / Rekod / Barang

8.2.1 Rekod/ dokumen dan barang yang diambil adalah berkaitan isu pengauditan dan dokumen/ rekod boleh diambil dalam bentuk salinan atau digital.

8.2.2 Rekod/ dokumen juga boleh diambil daripada pihak ketiga bagi tujuan pengesahan lanjut.

8.3 Sijil Verifikasi Audit

8.1.1 Mana-mana EP yang telah diaudit AViP akan diberikan Sijil Verifikasi Audit sekiranya hasil AViP adalah fail kemas kini dan tiada kekurangan hasil dikesan.

8.1.2 Walau bagaimanapun, pengeluaran Sijil Verifikasi Audit ini tidak menghalang untuk audit dijalankan semula ke atas EP pada bila-bila masa.

8.4 Isu Ketidakpatuhan

8.4.1 Sekiranya AViP mengesan isu ketidakpatuhan, Bahagian Pematuhan boleh menawarkan kepada EP untuk membuat pengakuan sukarela / *Voluntary Disclosure* (VD).

8.4.2 Sesi *Round Table Discussion* (RTD) bersama EP akan diadakan bagi memaklumkan isu ketidakpatuhan hasil



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

daripada AViP yang dijalankan merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Isu ketidakpatuhan
- b. Nilai ketirisan
- c. Penjelasan berkaitan VD
- d. Peluang kepada EP untuk mengemukakan pengiraan nilai duti/ cukai/ levi kurang bayar dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- e. Penentuan nilai VD.

8.4.3 EP akan diberikan Borang Ikrar Persetujuan Pengakuan Sukarela/ *Voluntary Disclosure* (VD) untuk membuat pengiraan terhadap cukai/ duti/ levi kurang bayar dan membuat VD.

8.5 Surat Layak Pengakuan Sukarela/ *Voluntary Disclosure* (VD)

8.5.1 Surat Layak VD akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas menerima Borang Ikrar Persetujuan Pengakuan Sukarela/ *Voluntary Disclosure* (VD) daripada EP.

8.5.2 Sekiranya pihak EP gagal memberikan maklumbalas dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja seperti yang ditetapkan, Bahagian Pematuhan akan melaksanakan pengauditan penuh terhadap EP yang terlibat.

8.5.3 Tindakan berikut perlu dilakukan oleh EP dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh Surat Layak VD dikeluarkan iaitu:

- a. Membuat pindaan atau menghantar *Supplementary Tax Return*/ Borang SST- ADM/ SST- ADM No.2/ TTx-03A/ TTx-ADM bagi VD di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018/ Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Akta Levi Pelepasan.
- b. Bagi AViP VD selain daripada Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018/ Akta Cukai Pelancongan 2017 seperti Pasca Import/ Pengecualian Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967/ Gudang Pengilangan Berlesen (GPB)/ Gudang Berlesen (GB)/ Kedai Bebas Cukai (KBC) dan lain-lain **atau EP yang tidak mengemukakan Borang SST-ADM/ SST-ADM No.2/ TTx-03A/ TTx-ADM**, EP hendaklah mengemukakan pengiraan kurang bayar duti/ cukai/ levi. Pegawai audit boleh mengeluarkan bil tuntutan **sukarela** bersamaan dengan nilai yang telah dipersetujui



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

oleh EP/ syarikat setelah mendapat kelulusan Ketua Bahagian/ Ketua Cawangan.

- c. Sekiranya EP gagal mengambil tindakan seperti yang di para (a) dan (b) di atas, Surat Tidak Layak VD akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh Surat Layak VD.

8.6 Tindakan Audit Lapangan

Tindakan melaksanakan Audit Lapangan akan dilaksanakan ke atas EP sekiranya:

- a. EP tidak bersetuju untuk membuat VD selepas tawaran dibuat ke atas ketidakpatuhan hasil AViP.
- b. EP yang bersetuju untuk membuat VD tetapi gagal mengambil tindakan seperti di para 8.5.3 (a)/ (b) di atas.
- c. EP yang gagal melaksanakan VD selaras dengan Surat Layak VD.

8.7 Pengauditan Semula

EP yang telah selesai AViP tidak akan diaudit semula, melainkan terdapat isu atau maklumat baru yang diterima.

9. INSENTIF YANG DITAWARKAN UNTUK BAGI PENGAKUAN SUKARELA (VD) AViP

9.1 Kelulusan Remisi Penalti Secara Terus (*Blanket Approval*)

Apa-apa penalti yang dijana ekoran daripada pindaan penyata/ penyata *supplementary* di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Levi Pelepasan 2019 yang dibuat oleh EP dalam tempoh yang ditetapkan hasil daripada AViP akan diberi kelulusan remisi penalti secara terus (*blanket approval*). Amaun remisi penalti adalah bergantung kepada amaun dan tempoh bayaran duti/ cukai / levi seperti jadual:



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

Kategori	Amaun Cukai Dibayar	Tempoh Bayaran Cukai	Tawaran Kelulusan Remisi Penalti
1	100%	Dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pindaan apa-apa penyata cukai/ penyata <i>supplementary</i> .	100%
2	100%	Selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh pindaan apa-apa penyata cukai/ penyata <i>supplementary</i> tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan.	50%
3	100%	Selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pindaan apa-apa penyata cukai/ penyata <i>supplementary</i> .	Tiada Remisi

9.2 Kelulusan Bayaran Ansuran Bagi Bil Tuntutan Yang Dikeluarkan Hasil Pindaan Apa-Apa Penyata Cukai/ Penyata *Supplementary*

Bil Tuntutan (BOD) yang dijana hasil pindaan pindaan penyata / penyata *supplementary* di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Levi Pelepasan 2019 yang dibuat oleh EP dalam tempoh yang ditetapkan hasil daripada AViP akan dibenarkan dibuat bayaran secara ansuran.

10. PEMBAYARAN

Amaun cukai bagi pindaan penyata/ penyata *supplementary* hendaklah dibayar dengan menggunakan cek atau deraf bank atas nama '**KETUA PENGARAH KASTAM**' dan dihantar melalui pos, kurier atau *P-hailing* ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC) di alamat:

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)
Aras 1, Blok A, Kompleks Kastam WPKL
No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

11. PENUTUP

Pengauditan komprehensif melalui AViP terhadap EP diharapkan mampu membantu meningkatkan tahap pematuhan EP selaras dengan perundangan, prosedur dan dasar percukaian yang ditadbir oleh JKDM.

Bahagian Pengurusan Pematuhan
Ibu Pejabat
Jabatan Kastam Diraja Malaysia.